

# Dominasi pelajar wanita di UPM

**S**ERDANG: Pelajar baru wanita terus mendominasi kemasukan di Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila seramai 3,453 mendaftar berbanding 1,649 lelaki, semalam.

Jumlah berkenaan menunjukkan institut pengajian tinggi itu menerima lebih 70 peratus golongan wanita manakala lelaki sekitar 30 peratus saja.

Timbalan Naib Canselor

Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Profesor Dr Mohd Fauzi Ramlan berkata, jumlah itu berdasarkan kelayakan mereka sebelum terpilih mengikuti pengajian di UPM dalam 60 kursus ditawarkan.

Katanya, UPM menerima seramai 5,103 pelajar baru, termasuk 3,717 bagi program ijazah sarjana muda, 884 diploma dan 502 asasi.

“Tahun ini lima bidang pa-

ling mendapat sambutan pelajar, termasuk perakaunan, perubatan, kejuruteraan, kesihatan bersekutu dan pendidikan kerana mempunyai peluang pekerjaan cerah.

“Pelajar juga tidak perlu bimbang kerana pengajian mereka di sini akan berjalan lancar dengan adanya pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang diuruskan secepat mungkin,”

katanya ketika ditemui pada Program Pendaftaran Pelajar Baru Sesi 2010/2011, di UPM, di sini, semalam.

Mohd Fauzi berkata, pelajar diwajibkan menjalani ujian saringan H1N1 sebaik mendaftar.

Katanya, pelajar juga akan mengikuti Minggu Perkasa Putra yang akan membantu mereka mengenali kampus sebelum sesi pembelajaran bermula.



**DAFTAR...** pelajar baru mendaftar di UPM semalam.